

# Mahathir mahu Asia bangkit perjuangkan keamanan, ekonomi

UM 18 OCT 2017  
Oleh OTHMAN MOHAMAD

NEW DELHI 17 Okt. — Asia perlu bangkit memperjuangkan secara bersejarah dua objektif asas - keamanan tulen dan pertumbuhan pantas ekonomi yang berterusan - bagi mengembalikan keagungan dan kemegahan benua ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, negara-negara di Asia perlu bingkas merebut peluang bersejarah untuk melenyapkan tempoh yang memalukan agar Asia berada pada tempat sebelum ini iaitu era kemegahan kerana menjadi pusat peradaban manusia.

Dr. Mahathir percaya, tanpa pencapaian keamanan tulen yang boleh dipertahankan serta dipupuk, masa depan Asia tidak akan banyak berubah.

"Pada tahun-tahun akan datang, terdapat 1001 perkara yang perlu kita perhatikan. Banyak perkara yang mesti dilakukan tetapi saya percaya tumpuan sepenuhnya perlu diberikan kepada dua matlamat asas itu," katanya semasa berucap pada Sidang Kemuncak Perniagaan India-ASEAN di sini hari ini.

Dalam ucapan beliau bertajuk *Asia pada 2020: Cabaran dan Prospek* Dr. Mahathir menyatakan bahawa keamanan menjadi tuntutan asas dan ia perlu dipertingkatkan bukan setakat tiadanya perang semata-mata.

"Jika kita mampu mencapai keamanan sebenar yang berkekalan, kita mempunyai peluang yang baik untuk memenuhi harapan penduduk," jelasnya.

Bagi mencapai keamanan tulen itu pula, kata Perdana Menteri, terdapat tiga pilihan iaitu hegemoni; imbalan kuasa ketenteraan; dan perhubungan serta persahabatan serantau yang lebih merupakan pilihan masyarakat.

Bagaimanapun, bagi Dr. Mahathir, pendekatan mewujudkan persahabatan dan muhibah lebih realistik sekalipun banyak pihak menyatakan ia terlalu idealistik.

"Memang ia sukar, ia memerlukan usaha berterusan, komuniti keamanan lebih realistik daripada hegemoni dan sistem imbalan kuasa, yang tidak boleh mewujudkan keamanan sebenar."

Beliau memberi contoh pendekatan persahabatan menerusi keamanan komuniti itu telah pun dibuktikan kejayaannya oleh Eropah Barat yang pernah dua kali mencetuskan perang dunia dalam abad lepas serta pada kejayaan ASEAN.

"Tiada pihak yang boleh menafikan kejayaan besar ASEAN dalam mewujudkan komuniti keamanan sedangkan satu ketika dahulu ia digelar 'wilayah kacau-bilau'.

"Orang luar sudah menjadi sahabat, malah menjadi rakan seperjuangan. Mulus bertukar menjadi rakan walaupun bukan dalam sekelip mata tetapi ia

berlaku dalam tempoh yang menakjubkan.

"Dan, perlu dilihat juga usaha mengurangkan ketegangan dan mewujudkan persahabatan di Asia Timur, rantau paling bergelora selepas Perang Dunia Kedua," katanya.

Kata Dr. Mahathir lagi, ketika Asia Timur memberi keutamaan kepada menjaga ekonomi dan memastikan kebajikan penduduk menerusi pertumbuhan pantas serta berterusan, India dan wilayah Asia yang lain wajar bergerak bersama-sama ke arah itu.

Malah, dalam konteks ASEAN, kewujudan rakan kongsi dengan India akan membawa manfaat bersama lebih-lebih lagi apabila dilihat gagasan dasar 'memakmurkan jiran'.

"Kita semua boleh memilih rakan tetapi kita tidak dapat memilih jiran-jiran kita. Soalnya, apakah baik apabila memiliki jiran yang miskin, yang gagal menyediakan keperluan penduduknya, yang terdedah kepada ketidakstabilan dan kacau-bilau?"

## Bekerjasama

"Atau apakah bagus jika mempunyai jiran yang maju, yang kemudian boleh membeli banyak (barang) daripada anda, yang pastinya tidak mewujudkan pelarian dan masalah yang mungkin sekali masuk ke negara anda atau membuat kacau di kawasan serantau?"

"Memanglah, tidak mudah untuk mempertahankan dasar memakmurkan jiran apabila wujud perbezaan, apabila mereka mungkin menyebabkan masalah dan ketidakselesaan atau memburukkan kamu dan terlalu acap pula tidak menunjukkan sikap bersyukur dan sebagainya," jelas Dr. Mahathir lagi.

Sehubungan itu, Dr. Mahathir berpendapat, sudah tiba masanya ASEAN dan India bersama-sama bergerak sebagai 'rakan kongsi ekonomi yang menyeluruh', yang akhirnya bukan setakat memberi manfaat bersama malahan kepada bahagian Asia yang lain serta kepada dunia.

"Asia perlu bekerjasama membentuk sistem ekonomi antarabangsa, adalah menarik untuk dilihat di sini, di India, setakat mana wujud minat dalam Perjanjian Perkongsian Ekonomi ASEAN-India," jelas Dr. Mahathir.

Pada masa ini, jelas beliau lagi, sudahpun wujud proses ASEAN+3 yang melibatkan 10 negara anggota ASEAN dengan China, Jepun dan Korea Selatan yang semuanya dilihat kewajarannya.

Di Brunei bulan lepas pula, ASEAN dan Jepun bersetuju untuk membentuk Perjanjian Perkongsian Ekonomi, termasuk Kawasan Dagangan Bebas dalam masa 10 tahun dan akan memulakan perundingan tahun depan.

Korea Selatan, juga semasa di Brunei, mencadangkan idea Kawasan Dagangan Bebas ASEAN-Korea Selatan, jelasnya.

— Utusan